

AKHBAR : B. HARIAN

TARIKH : 12.09.2018

M/S : 3

Nafi SPA sabotaj pegawai lantikan PH

SH M/S 3 12/9/18



Ismail Bakar,
Ketua Setimasa Negara

KSN per jelas tindakan untuk perbetul prosedur pentadbiran sebelum ini

Oleh Wartawan NSTP
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Ketua Setimasa Negara, Datuk Seri Ismail Bakar menafikan dakwaan mengaitkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sabotaj pegawai kerajaan yang dilantik Kerajaan Pakatan Harapan (PH) dengan memberikan gred dan gaji lebih rendah.

Bagaimanapun, beliau berkata, SPA ingin memperbetulkan pelanggaran prosedur yang dibuat pentadbiran Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

"Kami ingin mengikut pro-

sedur ditetapkan kerajaan baharu terutama bagi memberihkan proses pelantikan politik. Kerajaan sebelum ini tidak mengikut beberapa prosedur untuk melantik pegawai baharu.

Ikut prosedur ditetapkan

"Sekarang, kerajaan baharu mahu kita mengikut prosedur yang ditetapkan dalam manifesto supaya dapat mengembalikan integriti dan tadbir urus yang baik," katanya.

Ismail berkongsi kerjanya itu di akaun Twitternya, @IsmailBakar60 semalam, selain memuat naik kerjanya dibuatnya menerusi sebuah agensi berita tempatan.

Baru-baru ini, sebuah portal berita melaporkan ada pihak tertentu dalam SPA dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang mengingkari arahan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terutama berkaitan lantikan pegawai baharu.

Laporan itu memetik, beberapa sumber mendakwa ada pegawai tertentu di JPA mengemukakan budi bicara sendiri untuk menilai semula pangkat pe-

gawai baharu yang dilantik Kabinet Dr Mahathir.

Ismail berkata, pelantikan pegawai baharu dibuat berdasarkan Pekeliling JPA 2012 yang mana ia berkaitan jawatan dan perkara perkhidmatan dengan pejabat menteri dan timbalan menteri.

"Kita akan menyemak semula gaji permulaan setiap gred, sebagai contoh Gred 54 mungkin permulaannya akan berada di tahap lebih tinggi dan bukannya pertengahan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, prosedur pelantikan politik oleh kerajaan baharu dilakukan mengikut undang-undang dan mahu semua pihak memahami perkara berkenaan.

"Kita tidak mensabotaj kerajaan. Saya berharap semua pihak (memahami) keadaan ini dan (tidak) memperbesar isu ini," katanya.

Sebelum ini, dikatakan pegawai kerajaan berstatus lantikan politik belum menerima gaji sejak dua bulan lalu, malah Dr Mahathir dalam kenyataan pada 2 Ogos lalu meminta mereka bersabar.

Sekarang, kerajaan baharu mahu kita mengikut prosedur yang ditetapkan dalam manifesto supaya dapat mengembalikan integriti dan tadbir urus yang baik"

Ismail Bakar,
Ketua Setimasa Negara